



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI HUANG TIONG SII  
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN  
PERUBAHAN IKLIM**

**MAJLIS PERASMIAN  
SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA 2023**

**24 SEPTEMBER 2023 | 2.30 PETANG  
PASAR TERAPUNG, JPS PERLIS**

***Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani***

**Yang Berhormat Tuan Megat Hashirat bin Hassan**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (EXCO) Sains Teknologi dan Inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Alam Sekitar, Bioteknologi & Teknologi Hijau, Perpaduan Masyarakat serta Kesihatan Negeri Perlis

**Yang Berhormat Dato' Yusran Shah Bin Mohd Yusof**

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

**Yang Berbahagia Dato' Rosli bin Haji Isa**

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, NRECC

**Yang Berusaha Dr. Ching Thoo anak lelaki Kim**

Timbalan Ketua Setiausaha NRECC

**Yang Berbahagia Mejar (Kehormat) Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Anuar bin Othman**

Ketua Pengarah

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS)

Pegawai-Pegawai Kanan NRECC,

Pegawai-Pegawai Kanan JPS Malaysia,

Pegawai-Pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri,

Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian.

## **KATA ALUAN DAN PENGHARGAAN**

1. Terima kasih dan kita sangat bertuah kerana dapat sama-sama berkumpul, pada hari yang bermakna ini sempena Sambutan **Hari Sungai Sedunia (HSS)** Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 yang kali pertama disambut di Negeri Perlis.
2. Saya gembira melihat sambutan HSS hari ini disambut dengan meriahnya di **Pasar Terapung JPS**. Tujuan sambutan HSS ini dilaksanakan di sini adalah sebagai salah satu inisiatif untuk mempertingkatkan aktiviti ekonomi yang berasaskan sumber air.

## **TEMA HARI SUNGAI SEDUNIA 2023**

3. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan Hari Sungai Sedunia disambut pada hari Ahad terakhir dalam bulan September setiap tahun. Sekali lagi "***Waterways in Our Community***" atau "***Alur Air Dalam Komuniti Kita***" telah diangkat sebagai tema Sambutan HSS tahun ini. Ini menunjukkan betapa pentingnya usaha untuk meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan untuk menjaga dan memastikan kelestarian sungai serta menghargai sungai sebagai salah satu sumber khazanah negara.
4. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada pihak sekretariat yang telah mengatur pelbagai program dan aktiviti sejak awal pagi lagi seperti senamrobik, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, pertandingan memancing, *treasure hunt*, pertandingan kayak, jualan produk-produk tempatan dan banyak lagi acara yang menarik.

5. Saya juga difahamkan pada 22 hingga 25 September 2023, satu **Program Ekspedisi Sumber Air Negara** yang melibatkan penyertaan seramai 150 orang terdiri daripada media, pelajar universiti, NGO dan orang awam dan webinar bertajuk “Alur Air Dalam Komuniti” juga telah dilaksanakan secara atas talian pada 20 September 2023 sempena Sambutan HSS.

### **PEMILIHAN NEGERI PERLIS**

***Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

6. Pemilihan lokasi Hari Sungai Sedunia tahun ini adalah sangat bertepatan dengan tema HSS. Sungai Perlis bersebelahan kita ini merupakan simbolik perpaduan, budaya dan gambaran sosio-ekonomi penduduk di negeri ini kerana ianya adalah sumber utama bekalan air dan makanan masyarakat setempat serta menjadi pusat rekreasi dan tumpuan pelancong pelancongan.

### **PERSEDIAAN DALAM MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT**

7. Dalam menghadapi fasa peralihan monsun dan Monsun Timur Laut di Malaysia, semua Jabatan dan Agensi NRECC telah membuat persediaan awal untuk menghadapi bencana banjir. Sebanyak 36 buah stesen telemetri aras air Sungai dan 48 buah stesen hujan serta 12 stesen siren amaran banjir telah dipasang di seluruh Negeri Perlis. Manakala, model ramalan banjir bagi lembangan sungai Perlis di Negeri Perlis telah beroperasi dan berupaya memberi ramalan banjir tujuh hari lebih awal serta amaran banjir pula sehingga dua hari lebih awal.

## **PROJEK PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN DI NEGERI PERLIS**

***Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

8. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan **Projek Tebatan Banjir Berkeutamaan Tinggi** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM11.8 bilion** untuk menangani masalah banjir di kawasan risiko tinggi seluruh Negara mulai 2023 hingga 2030. Di bawah peruntukan ini, sejumlah **RM57.2 juta** telah diperuntukkan kepada Negeri Perlis bagi menangani impak akibat kejadian banjir kepada penduduk setempat.
9. Manakala di bawah *Rolling Plan* Pertama sehingga *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Ke-dua belas, JPS Negeri Perlis menerima peruntukan sebanyak **RM127 juta** bagi pelaksanaan **3 projek** yang bukan sahaja memfokuskan kepada projek tebatan banjir malahan melibatkan pemulihan empangan dan pemuliharaan sungai demi kesejahteraan rakyat Perlis.
10. Di samping itu, sebagai persediaan untuk menghadapi musim Monsun Timur Laut dan mengurangkan impak kejadian banjir pada penghujung tahun ini, JPS turut meluluskan peruntukan kepada Negeri Perlis berjumlah **RM2.5juta** bagi pelaksanaan Kerja-kerja Kecemasan di Luar Jangka.

## **PELAKSANAAN IRBM DI NEGERI PERLIS**

11. Era perubahan iklim telah meningkatkan cabaran dalam kemampuan tadbir urus air negara. Pengurusan sumber air kini bukan hanya bagi memastikan ketersediaan dan keterjaminan sumber air, tetapi juga bagi menangani impak perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana

berkaitan air. Oleh itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mula melaksanakan pendekatan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM).

11. Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM), yang menangani isu peruntukan air, kawalan pencemaran, dan kawalan banjir; ialah subset kepada IWRM dan memfokus kepada pengurusan di peringkat lembangan dengan mengambil kira semua faktor yang dikaitkan dengan sumber, termasuk aktiviti sosial dan ekonomi. Untuk memastikan sumber air Negara dapat diuruskan dengan baik, NRECC melalui JPS telah menyediakan pelan IRBM bagi 23 lembangan sungai di dalam negara.
12. Pelan-pelan IRBM ini boleh menjadi asas dan rujukan bagi pihak kerajaan negeri dalam perancangan jangka panjang pembangunan negeri selaras dengan objektif IRBM iaitu memastikan air bersih dan mencukupi. Kajian Semula IRBM Sungai Perlis telah dimulakan pada tahun 2022 dan akan siap sepenuhnya pada tahun 2024. Semoga Negeri Perlis mendapat manfaat daripada Kajian IRBM tersebut untuk pertumbuhan ekonomi, sosial dan alam sekitar demi kesejahteraan rakyat Perlis khususnya.

### **HARAPAN PEMBANGUNAN KELESTARIAN SUNGAI**

***Dato'-Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,***

13. Justeru itu, besarlah harapan saya agar lebih ramai lagi masyarakat awam, korporat dan pihak swasta termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, institusi pendidikan serta pertumbuhan bukan kerajaan terlibat secara langsung dalam mengurus sumber air, sungai dan bekalan air secara kolektif. Kita mesti berganding bahu mendukung agenda pembangunan dan kelestarian sungai dengan lebih efektif selaras dengan salah satu daripada enam rukun Malaysia Madani iaitu **KESEJAHTERAAN**.

## **PENUTUP**

14. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan jutaan terima kasih kepada semua yang hadir; pegawai-pegawai daripada Kementerian dan Jabatan/Agensi NRECC, pegawai-pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran, agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, badan-badan bukan kerajaan, para pemimpin masyarakat tempatan serta semua pihak yang telah bekerja keras untuk menjayakan majlis pada hari ini.
  
15. Akhir kata, dengan penuh takzim dan rasa sukacitanya, saya merasmikan **Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.**

Sekian, terima kasih.